



06 FEB, 2021

KPDNHEP umum 16 barangan SHMMP sempena Tahun Baharu Cina

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

KPDNHEP umum 16 barangan SHMMP sempena Tahun Baharu Cina

Oleh Adriana Mroon Ambrose

PUTRAJAYA: Sebanyak 16 barangan disenaraikan dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2021 yang dikuatkuasakan selama sembilan hari bermula 8 hingga 16 Februari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Dato Sri Alexander Nanta Linggi berkata, skim ini dilaksanakan sebagai langkah untuk membendung kenaikan harga barangan keperluan menjelang perayaan berkenaan.

“Selain itu, skim ini juga secara tidak langsung dapat menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).”

“Walaupun perayaan disambut secara sederhana mengikut prosedur operasi standard yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan, permintaan terhadap barangan semasa perayaan tetap ada dan dijangka akan meningkat berbanding semasa bukan hari perayaan,” katanya pada



JANGAN INGKAR: Nanta (tengah) menunjukkan 16 barangan disenaraikan dalam Skim Harga SHMMP Tahun Baharu Cina 2021 pada sidang akhbar yang disiarkan secara maya di Facebook KPDNHEP semalam.

sidang akhbar yang disiarkan secara maya di Facebook KPDNHEP semalam.

Menurutnya lagi, tempoh kuat kuasa bagi SHMMP Tahun Baharu Cina 2021 adalah selama sembilan hari iaitu selama empat hari sebelum perayaan, pada hari perayaan dan empat hari selepas hari perayaan.

“Skim ini akan dilaksanakan

di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961. KPDNHEP telah mengenal pasti sebanyak 16 jenis barangan bagi pelaksanaan skim ini. Kategori barangan harga terkawal terdiri daripada ayam, telur ayam, sayuran, hasil laut dan daging babi.”

“Harga maksimum penge-

luar, borong dan runcit yang ditentukan adalah bersesuaian dengan trend harga semasa dan semasa menjelang hari perayaan. Selain itu, terdapat juga harga yang ditentukan adalah lebih rendah dan kekal sepertimana pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas yang lalu,” katanya.

Nanta turut mengingatkan para peniaga supaya tidak menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum dan memamerkan tanda harga berwarna merah jambu.

“Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan di bawah skim ini mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.”

“Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP akan berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan.”

“Langkah-langkah ini mencerminkan usaha berterusan bagi melindungi pengguna daripada aktiviti pengambilan keuntungan yang berlebihan oleh peniaga-peniaga yang tidak beretika semasa musim perayaan,” katanya.

HARGA MAKSIMUM SHMMP TAHUN BARU CINA 2021										
Bil	Barangan	Unit	Harga Maksimum (RM)							
			SEMHANJUNG		SARAWAK (KUCHING)		SABAH/KOTA KINABALU		WP LABUAN	
			BORONG	RUNCIT	BORONG	RUNCIT	BORONG	RUNCIT	BORONG	RUNCIT
1	Ayam hidup	1 kg	5.60	6.10	6.00	6.70	5.90	6.60	6.00	6.60
2	Ayam standard (dibebellah dan dibersihkan beserta kak, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya)	1 kg	6.60	7.40	7.60	8.50	8.50	9.50	8.80	9.80
3	Ayam super (dibebellah dan dibersihkan tanpa kak, kepala, hati dan hempedal)	1 kg	7.40	8.30	8.50	9.50	8.80	9.80	9.30	10.30
4	Telur ayam gred A (berat antara 65.0 gram hingga 69.9 gram sebiji)	Sebiji	0.35	0.37	0.37	0.39	0.39	0.41	0.40	0.42
5	Telur ayam gred B (berat antara 60.0 gram hingga 64.9 gram sebiji)	Sebiji	0.34	0.36	0.36	0.38	0.38	0.40	0.39	0.41
6	Telur ayam gred C (berat antara 55.0 gram hingga 59.9 gram sebiji)	Sebiji	0.33	0.35	0.35	0.37	0.37	0.39	0.38	0.40
7	Kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing)	1 kg	2.50	3.50	3.00	4.00	2.50	3.50	2.50	3.50
8	Cili merah	1 kg	13.00	15.00	18.00	20.00	10.00	12.00	10.00	12.00
9	Tomato	1 kg	5.50	6.50	6.00	7.00	5.00	6.00	4.00	5.00
10	Bawang putih (China)	1 kg	6.50	8.00	7.00	8.00	7.00	8.00	7.00	8.00
11	Jlbi kentang import (China)	1 kg	2.00	3.00	2.50	3.50	2.50	3.50	2.40	3.40
12	Kan bawah putih (berat antara 200 gram hingga 400 gram seketul)	1 kg	39.00	42.00	37.00	40.00	35.00	38.00	35.00	38.00
13	Udang putih besar (berat antara 41 ekor hingga 60 ekor sekitogram)	1 kg	34.00	39.00	32.00	35.00	26.00	28.00	34.00	36.00
14	Babi Hidup (Harga maksimum di Peringkat Ladang Gahala)	1 kg	8.00		10.00		11.00		10.80	
15	Daging Babi (Penuh)	1 kg	21.00	23.00	17.50	19.50	22.00	24.00	21.00	23.00
16	Daging Babi (Daging dan Lemak)	1 kg	14.00	16.00	16.50	18.50	18.00	20.00	18.00	20.00

PANDUAN: Harga maksimum SHMMP Tahun Baharu Cina 2021.



06 FEB, 2021

KPDNHEP umum 16 barangan SHMMP sempena Tahun Baharu Cina

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA: Sebanyak 16 barangan disenaraikan dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2021 yang dikuatkuasakan selama sembilan hari bermula 8 hingga 16 Februari ini. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Dato Sri Alexander Nanta Linggi berkata, skim itu dilaksanakan sebagai langkah untuk membendung kenaikan harga barangan keperluan menjelang perayaan berkenaan.